

05 SEP 2003

IAP-MSK/I

GAGE BERI PENGHARGAAN KEPADA MAHATHIR KERANA HIMPUN PEMIMPIN IT

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) - Ketua penyelidikan dan pengarah sains Sun Microsystems, Dr John Gage, menyatakan sanjungan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerana visinya dan keupayaannya menghimpun begitu ramai pemimpin industri teknologi maklumat (IT) bagi memajukan Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Saya rasa semua kita boleh berkata, impian yang bertahun-tahun lamanya telah menjadi realiti. Kenapa kita terus menerus menghadiri mesyuarat ini? Memang sangat susah untuk menghimpunkan eksekutif perniagaan bagi menghadiri mesyuarat," kata Dr Gage pada sidang media selepas sidang akhir Mesyuarat Ketujuh Panel Penasihat Antarabangsa MSC (MSC-IAP) di sini, hari ini.

"(Selain Dr. Mahathir), tidak ada seorang pun ketua eksekutif yang telah beberapa beberapa kali menghimpun kita seperti ini. Kita telah belajar daripada Malaysia dan mempunyai contoh dan kisah yang konkrit untuk dikongsi bersama dengan negara-negara lain," katanya.

Sementara itu, naib presiden eksekutif Oracle Corporation bagi Asia Pasifik, Professor Derek Williams, berkata pembangunan dan jualan perisian bertaraf dunia akan menjadi petunjuk penting tentang kejayaan MSC.

"Eksport perisian amat penting. Kita mesti lihat perisian bertaraf dunia terhasil daripada MSC dan memasuki pasaran antarabangsa serta wang yang kembali ke Malaysia," katanya.

Oracle sedang bekerjasama dengan syarikat-syarikat perisian tempatan, yang salah satu daripada telah berjaya memajukan sistem pengurusan lapangan terbang yang telah dijual kepada 12 lapangan terbang seluruh dunia, termasuk di Amerika Syarikat, katanya.

Seorang lagi anggota IAP, pengerusi dan ketua pegawai eksekutif Acer Group, Datuk Dr Stan Shih, berkata Malaysia yang telah bertapak kukuh dalam bidang pembuatan, kini telah membangunkan perkhidmatan nilai ditambah untuk kekal berdaya saing.

"Pembuatan adalah asas pembangunan ekonomi yang perlu tetapi, pada masa akan datang, Malaysia memerlukan lebih banyak perkhidmatan nilai ditambah," katanya.

Barangkali kecuali China, enjin pertumbuhan Asia akan datang ialah industri perkhidmatan, terutamanya industri perkhidmatan berasaskan teknologi, katanya.

Pengerusi Satyam Computer Services Ltd, Ramalinga Raju, berkata "Enam puluh lima peratus ekonomi dunia berlandaskan perkhidmatan dan tahniah kepada Malaysia kerana berpandangan jauh dan merancang MSC untuk bersaing dalam sektor ini."

Teknologi juga telah membolehkan kebanyakan perkhidmatan disediakan di seluruh dunia, menjadikan pembekal perkhidmatan peserta global.

"Hakikat bahawa Perdana Menteri, Dr Mahathir telah dapat membayangkan ini bertahun-tahun dahulu dan kini Malaysia mempunyai perisian dan prasarana fizikal yang baik serta pemahaman yang jelas tentang apa yang Malaysia boleh capai...adalah sesuatu yang sungguh mengagumkan," tegas Ramalinga.

MSC berada pada kedudukan yang baik dan akan tercatat dalam sejarah sebagai projek berwawasan terancang," katanya. -- BERNAMA

MAS KTC KY JR